



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

TEKS KHUTBAH
**MENITI SYAWAL,
MENGHADAPI MEHNAH
KEHIDUPAN**

Tarikh Bacaan:
27 MAC 2026M / 7 SYAWAL 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Meniti Syawal, Menghadapi Mehnah Kehidupan

27 Mac 2026M/ 7 Syawal 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... حَتَّى إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ

نِعْمَتِكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَى وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ ... ﴿١٥﴾ سورة الأحقاف

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Khatib menyeru diri khatib dan sidang jemaah sekalian agar terus meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa berada dalam keberkatan di dunia dan dikurniakan balasan syurga di akhirat kelak.

Kita kini masih berada dalam bulan Syawal, bulan kemenangan dan bulan kembali kepada fitrah setelah melalui madrasah tarbiah Ramadan. Justeru, pada saat ini amat wajar untuk kita bermuhasabah sama ada ibadah Ramadan yang telah kita lalui benar-benar membuahkan kesan



dalam kehidupan seharian atau sekadar berlalu sebagai amalan bermusim.

Khatib juga mengingatkan sidang jemaah sekalian, agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan daripada berbual, bermain telefon bimbit atau melakukan perkara yang boleh menghilangkan pahala mendengar khutbah, agar peringatan yang disampaikan meresap ke dalam hati.

Di hari yang penuh keberkatan ini, mimbar ingin mengajak sidang jemaah menilai satu fasa penting dalam kehidupan insan dengan tajuk: **Meniti Syawal, Menghadapi Mehnah Kehidupan.**

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* menyebut secara khusus tentang usia 40 tahun dalam al-Quran. Surah al-Ahqaf ayat 15 yang maksudnya:

“...sehingga apabila dia (anak itu) telah dewasa dan umurnya mencapai empat puluh tahun, dia berdoa, “Wahai Tuhanku, berilah aku petunjuk agar aku dapat mensyukuri nikmat-Mu yang telah Engkau limpahkan kepadaku dan kepada ibu bapaku dan agar aku dapat melakukan amal soleh yang Engkau redhai...””

Ayat ini amat bertepatan dengan suasana Syawal kerana Syawal adalah bulan menilai hasil tarbiah Ramadan, manakala umur 40 tahun pula merupakan fasa penilaian kematangan seluruh kehidupan seorang insan.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Perkataan **أَشَدَّهُ** dalam ayat ini membawa maksud kemuncak kekuatan dan kematangan insan. Pada usia 40 tahun, kematangan ini paling jelas dalam dua aspek utama:

Pertama, kematangan akal fikiran. Seseorang lebih rasional dalam membuat keputusan, tidak lagi terdorong gegabah dan mampu menimbang kesan setiap tindakan.

Kedua, kematangan rohani. Hati lebih mudah tunduk kepada kebenaran, lebih merasai keperluan untuk kembali kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan kehidupan akhirat.

Sebab itulah Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** diutus sebagai Nabi ketika Baginda berusia 40 tahun.

بُعِثَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَهُوَ ابْنُ أَرْبَعِينَ سَنَةً

Maksudnya: “Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** diutus sebagai nabi ketika Baginda berusia empat puluh tahun”. (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Imam Al-Qurtubi **رَحِمَهُ اللَّهُ** menjelaskan bahawa usia ini adalah fasa kesempurnaan akal dan kestabilan jiwa, waktu paling sesuai seseorang memikul amanah besar dengan tenang dan penuh hikmah.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Peringatan ini sangat relevan dengan suasana yang sedang kita lalui kerana Syawal menjadi medan ujian sama ada perubahan yang

dibentuk sepanjang Ramadan benar-benar kekal atau sekadar bersifat sementara dan bermusim.

Pada saat inilah kita wajar bermuhasabah dengan penuh keinsafan: adakah kita menjadi hamba yang Rabbani (رَبَّانِي), yang hidupnya sentiasa terikat dengan perintah Allah atau sekadar menjadi hamba Ramadani (رَمَضَانِي), yang berubah hanya ketika hadirnya Ramadan?

Imam Al-Ghazali رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ mengingatkan dengan tegas yang bermaksud:

“Apabila seseorang telah mencapai umur 40 tahun tetapi tidak bertambah kebaikan dan amal solehnya, maka bersedialah untuk menerima peringatan keras daripada Allah مُسَبِّحَانَهُ وَتَعَالَى.”

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Perhatikan doa yang diajarkan Allah dalam ayat ini:

... رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ ... ﴿١٩﴾

Maksudnya: *“...wahai Tuhanku, anugerahkanlah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmat-Mu...”* (Surah an-Naml ayat 19)

Doa ini mendidik kita bahawa syukur dan amal soleh adalah tanda kematangan iman, bukan sekadar ucapan di lisan, tetapi diterjemahkan melalui ketaatan yang berterusan. Dan ayat ini ditutup dengan pengakuan taubat:

... إِنِّي تَبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٥﴾

Maksudnya: "...sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu dan sesungguhnya aku termasuk dalam kalangan orang Islam yang tunduk patuh kepada-Mu."
(Surah al-Ahqaf ayat 15)

Pesan Al-Sheikh Dr. Wahbah رَحْمَةُ اللَّهِ, apabila seseorang melangkah ke usia 40-an, hendaklah taubat dijadikan sebagai amalan harian kerana pada fasa inilah seseorang semakin hampir kepada perhitungan dan pembalasan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Umur adalah masa dan masa terus berlalu tanpa jalan kembali. Maka mengakhiri khutbah, mimbar hari ini merumuskan tiga peringatan:

Pertama, bagi jemaah yang telah menjadi umur 40 tahun dan ke atas, bersiap sedialah dengan ilmu dan amal, melatih diri untuk sentiasa bersyukur, serta menghadapi mehnah kehidupan dengan neraca iman, kesabaran dan kesedaran mengingati mati.

Kedua, bagi mereka yang bakal melangkah ke usia 40 tahun, bersedialah dari sekarang untuk memperbaiki cara hidup, mendekati orang-orang soleh, menjaga solat agar tidak ditinggalkan, melaksanakannya di awal waktu serta memakmurkan rumah-rumah Allah dengan solat berjemaah. Perbanyakkanlah mencari ilmu agama, berzikir dan membaca al-Quran.

Ketiga, bagi seluruh jemaah, ingatlah bahawa bulan Syawal bukan penamat ibadah, tetapi ujian sama ada tarbiah Ramadan benar-benar mematangkan iman dan amal kita sepanjang kehidupan.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah Lukman ayat 34:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنزِلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا

تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya di sisi Allah tersimpan pengetahuan yang tepat tentang Hari Kiamat. Dialah yang menurunkan hujan dan Dialah yang mengetahui apa-apa yang terkandung dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tidak ada seorang pun yang betul mengetahui (dengan pasti) apa-apa yang diusahakannya esok hari (sama ada baik atau jahat). Dan tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, Lagi Amat Meliputi pengetahuan-Nya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang telah memutuskan seperti berikut:

Terdapat (5) lima waktu yang dilarang untuk mengerjakan solat-solat sunat sebagai contoh solat sunat mutlak, solat sunat hajat, solat sunat taubat, solat sunat tasbih dan solat sunat istikharah iaitu seperti berikut;

1. Selepas melakukan solat subuh.
2. Waktu terbit matahari sehingga 16 minit selepas waktu syuruk.
3. Waktu matahari tegak di atas kepala dengan kadar 4 minit sebelum waktu zuhur.

4. Selepas melakukan solat asar.
5. Waktu matahari terbenam dengan kadar 3 minit sebelum waktu maghrib.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَرِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةً قُولاو فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًا سَخَاءَ رَحَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بَعْنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG